

Selasa – 08 September 2020

Halaman : 17

Orang Asli Pos Lanai bantah rancangan perlombongan

KUALA LUMPUR — Jawatankuasa Bertindak Tanah dan Wilayah Adat Orang Asli Pos Lanai membantah tindakan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) meluluskan permohonan pihak ketiga untuk menjalankan kajian bagi tujuan perlombongan.

Pengerusinya, Jeffri Hassan berkata, kelulusan permohonan untuk penyelidikan bagi tujuan perlombongan elemen Lanthanide itu dibuat tanpa mengambil kira pandangan penduduk orang asli di Hutan Jelai, Lipis yang ber-gantung kepada hasil hutan.

Katanya, sebelum ini, pihaknya pernah melakukan bantahan dan berjaya membatalkan pembinaan Projek Hidroelektrik Empangan Telom di Pos Lanai.

"Kali ini, kami berasa amat kecewa apabila mendapat tahu permohonan untuk aktiviti per-



JEFFRI (tiga dari kanan) dan **Sivarajan** (dua dari kanan) hadir menyerahkan memorandum di Ibu Pejabat Jakoa di Jalan Ampang semalam, Kuala Lumpur semalam.

lombongan di kawasan tanah adat telah diluluskan oleh Jakoa," katanya.

"Tidak kira apa projek sekali

pun, kami akan membantah kerana ia akan memberi kesan kepada lebih 1,000 penduduk Orang Asli di kawasan berkenaan

yang menjadikan hasil hutan sebagai sumber pendapatan," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Jakoa, Jalan Ampang di

sini semalam.

Sementara itu, Setiausaha Agung Parti Sosialis Malaysia, A. Sivarajan berkata, kehadiran pihaknya ke Jakoa semalam untuk menyerahkan memorandum bantahan tersebut.

Katanya, sejak 2019, penduduk Pos Lanai mengenal pasti tanah mereka dan menyerahkan dokumen berkaitan kepada pihak Jakoa serta kementerian berkaitan.

"Pihak kami tidak berpuas hati kerana Jakoa tahu kawasan itu merupakan tanah adat, namun masih meluluskan permohonan pihak ketiga untuk membuat kajian," katanya.

Kejadian itu dibimbangi menjasakan kualiti air dan alam sekitar. Difahamkan, permohonan melakukan kajian itu melibatkan kawasan seluas 650 hektar.